

19^{hb} Januari 2024

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang Berkepentingan,

JEMPUTAN UNTUK MEMBUAT ULASAN BERKENAAN DENGAN PENILAIAN AWAL PENSIJILAN RSPO (P&C).

Dengan sukacita kami menjemput pihak Tuan / Puan untuk menghadiri dan memberi komen di sesi rundingan seperti di atas.

TSH Plantation Berhad - PT. Farinda Bersaudara, telah memohon kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian awal atas piawaian pensijilan Rundingan Meja Bulat Kelestarian Minyak Sawit (RSPO P&C).

Keperluan piawaian yang akan digunakan semasa proses pensijilan adalah:

- RSPO Principle & Criteria Certification (RSPO P&C 2018) – Indonesia National Interpretation (INANI) April 2020 – [Mass Balance (MB)]

Seperti yang dijadualkan, penilaian awal pensijilan tersebut akan bermula pada **19hb – 23hb Februari 2024** di pejabat syarikat seperti tertera. Jadi Tuan/Puan boleh menghantar sebarang komen jika berkenaan dalam tempoh masa bermula sekarang sehingga closing meeting pada hari terakhir penilaian.

Syarikat Pemohon	TSH Plantation Berhad - PT. Farinda Bersaudara
RSPO Membership	1-0173-14-000-00
RSPO Palmtrace (RSPO PO_ID)	RSPO_PO1000004121

Butiran Pemohon	Taufiq Agung Wijaya taufiq.wijaya@tsh.com.my / www.tsh.com.my Tel : +62 813-3468-6862 Address: APL. Tower lantai 11 Unit 6 Jl. Letjen S. Parman Kav. 28 RT. 9 RW.6 Tanjung Duren Selatan Grogol Petamburan Jakarta Barat DKI Jakarta.
------------------------	---

Maklumat ringkas perniagaan pemohon	TSH menyasarkan untuk menjadi perusahaan perladangan yang progresif dengan penekanan pada pengeluaran yang mampan, akauntabiliti sosial dan pengurusan alam sekitar yang mantap. Semua proses membuat keputusan dan pembangunan Kumpulan berpandukan prinsip Kemampanan, di mana pelbagai usaha telah dijalankan oleh Kumpulan selama ini untuk menambah baik pelaksanaan amalan mampan dalam semua aspek operasi dan komited untuk menegakkan usaha wajar sebagai bahagian penting, pengurusan rantaian bekalan. Kumpulan juga komited kepada Prinsip & Kriteria yang ditetapkan oleh Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO), Malaysia Sustainable Palm Oil (MSPO) dan Indonesia Sustainable Palm Oil (ISPO). Untuk penyataan RaCP, PT. Farinda Bersaudara telah menghantar Remediation & Action Plan to RSPO Secretariat on 27hb November 2023 untuk tindakan susulan seterusnya.
--	--

MAKLUMAT KILANG KELAPA SAWIT YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI

Nama Kilang Sawit	Kapasiti Kilang	Model Rantai Bekalan	Lokasi		Rujukan GPS		Anggaran Pengeluaran Tahunan (MT)	
	MT/JAM		Alamat	Longitude	Latitude	CPO	Palm Kernel	
FDB POM	60 MT. Hour	Mass Balance (MB)	Desa Jambuk, Kecamatan Bongan, Kabupaten Kutai Barat, Provinsi Kalimantan Timur, Negara Indonesia	'000 41' 49.6" LS	'1160 15' 43.7" BT	75,571.6	12,302.3	

RANTAIAN BEKALAN BTS YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI

Nama Ladang / Pertubuhan	Alamat	Rujukan GPS		Ringkasan Luas (Ha)		Pengeluaran BTS Tahunan (MT)
		Longitude	Latitude	Jumlah	Ditanam	
Jambuk Estate	Jambuk Village, Bongan Sub District, Kutai Barat District, East Kalimantan Province, Indonesia	000 42' 10.515" LS	1160 17' 3.86" BT	5.696,78	3.326,64	122.360
Siram Jaya Estate	Muara Siram Village, Bongan Sub District, Kutai Barat District, East Kalimantan Province, Indonesia	'000 44' 59.64" LS	'1160 11' 30.62" BT	1.249,23	795,71	1.249,23
Penawai Estate	Muara Siram Village, Bongan Sub District, Kutai Barat District, East Kalimantan Province, Indonesia	'000 38' 44.8" LS	'1160 12' 41.9" BT	5.146,98	3.317,43	96.627
PT. TSS	Muara Siram Village, Bongan Sub District, Kutai Barat District, East Kalimantan Province, Indonesia	0° 44' 37.572" LS	116° 8' 11.544" BT	10.282	3.007,99	70.619
PT. MWJP	Ponaq Village, Siluq Ngurai Sub District, Kutai Barat District, East Kalimantan Province, Indonesia	0° 38' 55.246" LU	115° 58' 22.815" BT	8.015,69	1.195,90	36.454
JUMLAH				30.390,68	11.643,67	350,693

Perundingan dari pihak berkepentingan adalah salah satu aktiviti utama dalam proses pensijilan, di mana semua pihak berkepentingan diminta untuk memberi pandangan yang boleh mempengaruhi keputusan samada keperluan RSPO dipatuhi.

Kami meminta anda mengemukakan sebarang isu, baik positif maupun negatif melalui surat, fax atau e-mel kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd. Tuan/ Puan boleh menghadiri sesi bersama pihak berkepentingan semasa audit.

Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu seperti berikut;

- Perlindungan alam sekitar
- Pemulihan kepelbagaian biologi
- Pengwujudan peluang pekerjaan
- Penyediaan perumahan, sanitasi, dan pendidikan sokongan
- Pendekatan syarikat dalam perkembangan masyarakat
- Mengambil bahagian dalam membuat keputusan
- Isu-isu yang lain baik positif atau negatif yang anda fikir relevan kepada penilaian.

Sila hantar pandangan / komen anda kepada:

Global Gateway Certifications Sdn Bhd

Pengurus Scheme,
Global Gateway Certifications Sdn Bhd,
No.10, Jalan Rasmi 7,
Taman Rasmi Jaya,
68000 Ampang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Telephone: +60 3 4256 2689
Fax: +60 3 4256 2687
Email: jamal@gc.my / admin@gc.my

Maklumat terperinci anggota Juruaudit:

Muhd Jamalul Arif bin Hamid (Ketua Juruaudit)

Latar belakang pendidikan dalam Pengurusan Perladangan dan Pengukuran Kargo Laut dengan pengalaman bekerja dalam mengendalikan tinjauan kargo Kualiti & Kuantiti untuk produk pertanian seperti minyak sawit, kacang soya, jagung dan gula. Juga berkelayakan dan terlibat dalam audit kelestarian dan Sistem Pengurusan sejak 2011 untuk kebanyakan standard kelestarian seperti audit RSPO, ISCC, MSPO, Global Gap, GMP, SMETA, ESCAS dan audit pihak kedua. Terlibat dalam RSPO P&C, NEXT dan SCCS yang dijalankan di Malaysia, Indonesia, Colombia, Ecuador, Ivory Coast, Papua New Guinea dan Negara Timur Tengah.

Melengkapkan Latihan Juruaudit ISO 9001: 2008 pada tahun 2011, dilatih dalam keperluan ISO 19011 & 17021 pada tahun 2014, Social Skill Auditing Conversion against RSPO, MSPO, ETI & SEDEX pada tahun 2015, kursus Ketua Juruaudit RSPO P&C pada tahun 2013, 2016, 2019 & 2022, Latihan Auditor RSPO SCC pada tahun 2015 & 2021, Latihan Auditor MSPO pada tahun 2014 (Batch ke-3) yang diadakan oleh MPOB, Latihan Juruaudit MSPO SCCS pada tahun 2018, Kursus Latihan Keselamatan Asas dan lain-lain. Mempunyai kelayakan sebagai pakar GHG didalam ISCC dan bertanggungjawab untuk menilai pengiraan GHG oleh pengguna ISCC. Mampu bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Harso Yuli Antena (Juruaudit)

Siswazah dalam Social and Economic Science, Faculty of Agriculture, Institut Pertanian Bogor dengan lebih daripada 10 tahun pengalaman dalam pelbagai skop kerja melingkupi perhutanan dan persekitaran. Juga, mempunyai pengalaman lebih dari 5 tahun sebagai Juruaudit / Ketua Juruaudit dalam pelbagai audit skim seperti PHPL/PHTL, ISPO dan RSPO P&C/RSPO SCCS. Telah menghadiri dan berjaya menamatkan kursus persijilan Ketua Juruaudit RSPO yang dijalankan pada February 2022. Berjaya menamatkan kursus dalam Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2018 untuk Ketua Juruaudit pada tahun 2014. Juga melengkapkan perlatihan Social Accountability - SA 8000 pada April 2023. Memahami berhubung undang – undang tempatan Indonesia. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Indonesia dan Bahasa Inggeris.

Ibnu Satria Prabudi, SP (Juruaudit)

Siswazah Bachelor of STIPER Agriculture Institute, Yogyakarta dengan lebih daripada 10 tahun pengalaman dalam pelbagai skop kerja melingkupi keselamatan dan kesihatan pekerja. Juga, mempunyai pengalaman lebih dari 10 tahun sebagai Juruaudit / Ketua Juruaudit dalam pelbagai audit skim seperti ISPO dan RSPO P&C/RSPO SCCS. Telah menghadiri dan berjaya menamatkan kursus persijilan Ketua Juruaudit RSPO yang dijalankan pada November 2017. Berjaya menamatkan kursus dalam Sistem Pengurusan K3 ISO 45001:2018 untuk Ketua Juruaudit pada tahun 2021. Juga melengkapkan perlatihan ISO14001 pada 2010. Merupakan ahli K3 yang berdaftar dan expert didalam OSH di lapangan kerja perladangan dan pengilangan. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Indonesia dan Bahasa Inggeris.

Wahyu (Juruaudit)

Siswazah Master Degree of Manufacturing Engineering Management, University of Pancasila dengan lebih daripada 15 tahun pengalaman dalam pelbagai skop kerja melingkupi didalam industri dan pengauditan. Juga, mempunyai pengalaman lebih dari 10 tahun sebagai Juruaudit / Ketua Juruaudit dalam pelbagai audit skim seperti ISPO, RSPO P&C/RSPO SCCS, QMS, EMS, OHS, SLVK, CSNS, GMP dan ISCC. Telah menghadiri dan berjaya menamatkan kursus persijilan Ketua Juruaudit RSPO yang dijalankan pada 2015. Berjaya menamatkan kursus dalam IRCA Lead Auditor ISO 14001:2015 pada 2020 dan ISO 9001:2008 untuk Ketua Juruaudit pada 2011. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Indonesia dan Bahasa Inggeris.

Komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan . Sila sertakan maklumat bertulis dalam format berikut untuk kami menghubungi anda (jika perlu) untuk mendapat penjelasan terperinci mengenai isu-isu yang dibangkitkan.

Nama : _____
Alamat : _____
E-mel : _____
Numbor Telefon : _____
Ringkasan Isu : _____

Komen:

Jika komen anda ingin dirahsiakan, sila tanda perkataan “SULIT” di penjuru atas borang tersebut.

Sekian. Terima kasih.


Yang benar,




Muhd Jamalul Arif,
Pengurus Scheme,
Global Gateway Certifications Sdn Bhd

Lampiran 1 – Peta Lokasi

Jambuk Estate, Siram Jaya Estate & Penawai Estate Map



PT. MWJP Estate Map



PT. TSS Estate Map

